

**Piala Malaysia 2014: 'Saya harap Pahang menang' – Najib
Astro Awani
01 November 2014**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berharap pasukan Pahang akan mengalahkan Johor Darul Takzim (JDT) sekali gus menjuarai Piala Malaysia malam ini.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak hadir ke Stadium Nasional Bukit Jalil kerana sebagai perlu bersikap berkecuali.

"Sebagai Perdana Menteri, saya tidak boleh memihak kepada mana-mana pasukan.

"Saya sokong Pahang, harap mereka akan menang perlawanan malam ini," katanya semasa ucapan perasmian Konvensyen UMNO Selangor di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/piala-malaysia-2014-saya-harap-pahang-menang-najib-47452>